

**PEPERIKSAAN AKHIR****KURSUS : ASAS KEWANGAN ISLAM****KOD KURSUS : PIF1013****TEMPOH : 02 JAM****ARAHAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN:**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian : BAHAGIAN A (30 soalan)
: BAHAGIAN B (20 soalan)
: BAHAGIAN C (02 soalan)
2. Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN A, BAHAGIAN B dan BAHAGIAN C.
 - i. Jawab SEMUA BAHAGIAN dalam Buku Jawapan yang disediakan.
3. Sila pastikan set peperiksaan ini mengandungi :
 - i. Kertas Peperiksaan
 - ii. Buku Jawapan
 - iii. Kertas Jawapan Betul/Salah
 - iv. Kertas Jawapan Objektif
4. Tidak dibenarkan membawa sebarang bahan ke dalam dewan peperiksaan kecuali mendapat kebenaran daripada pengawas peperiksaan.
5. Tulis jawapan anda dengan menggunakan pen mata bulat (*ball-point pen*).

NO. MYKAD : _____**NO. ID : _____****PENSYARAH : _____****SEKSYEN : _____**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

Kertas soalan ini mengandungi 10 muka surat bercetak

OKT2024/D/PIF1013

BAHAGIAN A: SOALAN ANEKA PILIHAN

Jawab SEMUA soalan.

1. **(1 point)**
Pasaran Wang merupakan salah satu komponen institusi kewangan Islam di Malaysia.
2. **(1 point)**
Bank Negara Malaysia bertindak sebagai penasihat kewangan, jurubank dan agen kewangan kerajaan.
3. **(1 point)**
Zakat dikategorikan sebagai institusi perbankan di Malaysia.
4. **(1 point)**
Bank Negara Malaysia bertanggungjawab sepenuhnya untuk pertumbuhan ekonomi dunia.
5. **(1 point)**
AmInvestment Bank Berhad bertanggungjawab dalam mengurus rizab asing Malaysia.
6. **(1 point)**
Lembaga Urusan Tabung Haji berfungsi untuk menerima deposit.
7. **(1 point)**
Kuwait Finance House (KFH) merupakan institusi perbankan Islam.
8. **(1 point)**
Kontrak pertukaran merupakan salah satu klasifikasi umum kontrak dalam Islam.
9. **(1 point)**
Pasaran modal merupakan perantara kewangan bukan bank.
10. **(1 point)**
Wakalah adalah jenis akad yang berkaitan dengan agen dalam muamalat Islam.
11. **(1 point)**
Mengeluarkan mata wang negara merupakan tugas Bank Simpanan Nasional (BSN).

12. **(1 point)**
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menerima caruman daripada pekerja.
13. **(1 point)**
Salah satu fungsi institusi kewangan bukan bank adalah untuk menggalakkan tabungan.
14. **(1 point)**
Institusi kewangan bukan bank mempunyai kuasa mewujudkan penggunaan cek untuk mengeluarkan deposit.
15. **(1 point)**
Lembaga Urusan Tabung Haji merupakan salah sebuah institusi kewangan bukan bank.
16. **(1 point)**
Fungsi utama bank pusat tertakluk di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009.
17. **(1 point)**
Wakaf hanya boleh dilakukan dengan tanah sahaja dan tidak boleh dilakukan dengan wang tunai.
18. **(1 point)**
Salah satu transaksi jual beli komoditi dalam kontrak *Tawarruq* melibatkan *Murabahah*.
19. **(1 point)**
Penjualan komoditi kepada pihak ketiga dalam kontrak *Tawarruq* adalah secara tangguh.
20. **(1 point)**
Al-Ijarah melibatkan pertukaran pemilikan bagi sesuatu aset.
21. **(1 point)**
Al-Ijarah Thumma Al-Bay' (AITAB) boleh digunakan dalam pembiayaan kereta.
22. **(1 point)**
Sebuah kontrak atau ikatan masih dianggap sah walaupun tanpa akad ijab dan kabul.

SULIT

23. **(1 point)**
Bay' al-Istisna' adalah kontrak yang dilakukan untuk membeli barang secara tempahan.
24. **(1 point)**
Kerugian dalam kontrak *Mudharabah* akan ditanggung sepenuhnya oleh pengusaha.
25. **(1 point)**
Mudharib bertanggungjawab untuk menyediakan modal sepenuhnya dalam kontrak *Mudharabah*.
26. **(1 point)**
Murabahah adalah transaksi jualbeli di mana kos aset dan margin keuntungan yang dipersetujui oleh pembeli.
27. **(1 point)**
Bay' al-Salam melibatkan penyerahan barang secara tertangguh pada suatu masa yang ditetapkan.
28. **(1 point)**
Bay' al-Dayn adalah seorang pemiutang menjual hak hutangnya kepada penghutang atau pihak ketiga.
29. **(1 point)**
Sighah bukan salah satu daripada rukun-rukun kontrak *al-Ijarah*.
30. **(1 point)**
Pihak yang terlibat di dalam kontrak *al-Ijarah* mestilah *baligh* dan berakal.

BAHAGIAN B: SOALAN ANEKA PILIHAN*Jawab SEMUA soalan***1. (1 point)**

Manakah antara berikut merupakan institusi kewangan Islam di Malaysia?

- A. Bank Konvensional.
- B. Syarikat Takaful.
- C. Syarikat Insurans.
- D. Bon Kerajaan.

2. (1 point)

Berikut merupakan fungsi institusi kewangan bukan bank **KECUALI** _____.

- A. menggalakkan tabungan
- B. menggalakkan pelaburan
- C. melaksanakan dasar monetari
- D. sumber kewangan kepada pasaran modal negara

3. (1 point)

Mengapakah pelabur profesional menggunakan pasaran derivatif?

- A. Meningkatkan nilai pelaburan.
- B. Menguruskan risiko portfolio.
- C. Minimumkan cukai pelaburan.
- D. Memastikan kecairan instrumen kewangan.

4. (1 point)

Pasaran yang manakah yang mempunyai tempoh matang melebihi satu tahun?

- A. Pasaran Modal.
- B. Pasaran Wang.
- C. Pasaran Hadapan.
- D. Pasaran Pesisir Pantai.

5. (1 point)

Berikut merupakan contoh bank Islam **KECUALI** _____.

- A. OCBC Al-Amin Bank Berhad
- B. Standard Chartered Saadiq Berhad
- C. Alliance Bank Malaysia Berhad
- D. Bank Muamalat Malaysia Berhad

6. **(1 point)**
Manakah antara berikut **TIDAK** dikategorikan di bawah Bank Perdagangan?
- A. Malayan Banking Berhad.
 - B. Public Bank Berhad.
 - C. Affin Bank Berhad.
 - D. Bank Simpanan Nasional.
7. **(1 point)**
Manakah antara berikut **BUKAN** fungsi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)?
- A. Mengumpul dan mengurus simpanan pencen pekerja sektor swasta.
 - B. Melabur dana yang dikumpul untuk mendapatkan pulangan bagi pencarum.
 - C. Mengeluarkan mata wang dan mengawalselia pasaran kewangan.
 - D. Menyediakan simpanan wajib bagi pekerja swasta dan pekerja berstatus tetap.
8. **(1 point)**
Berikut merupakan maklumat berkaitan pelaburan *offshore* **KECUALI** _____.
- A. tidak memerlukan berada di negara yang ingin dilabur
 - B. kebiasaannya dimonopoli oleh orang-orang kaya
 - C. penting dalam menguruskan risiko perubahan harga
 - D. jumlah minimum untuk membuka akaun ialah USD\$1,000,000
9. **(1 point)**
Manakah antara berikut merupakan peranan utama institusi perbankan Islam ?
- A. Menyediakan perlindungan risiko.
 - B. Menyokong aktiviti ekonomi Islam.
 - C. Mengurus zakat dan wakaf.
 - D. Menyediakan perkhidmatan insurans.
10. **(1 point)**
Dalam situasi manakah para pelabur lebih cenderung menggunakan pasaran hadapan?
- A. Mencari pulangan yang tinggi dari pelaburan jangka panjang.
 - B. Memerlukan pinjaman jangka pendek.
 - C. Risau risiko kenaikan harga di masa akan datang.
 - D. Ingin melabur di luar negara tanpa perlu ke negara tersebut.

11. (1 point)

Manakah antara berikut merupakan perbezaan utama antara kontrak *Murabahah* dan kontrak *Musawamah*?

- A. *Murabahah* tidak mendedahkan harga kos manakala *Musawamah* mendedahkannya.
- B. *Musawamah* mendedahkan harga kos dan margin keuntungan manakala *Murabahah* tidak mendedahkannya.
- C. *Murabahah* mendedahkan harga kos dan margin keuntungan manakala *Musawamah* tidak mendedahkannya.
- D. *Musawamah* dan *Murabahah* merupakan satu kontrak yang sama.

12. (1 point)

Mempunyai dua objektif asas iaitu menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan menerima ganjaran pahala yang berterusan.

Pernyataan 1

Pernyataan 1 di atas merujuk kepada kontrak_____.

- A. Hibah
- B. Wakaf
- C. *Mudharabah*
- D. *Tawarruq*

13. (1 point)

Manakah antara berikut **BUKAN** fakta berkaitan kontrak *Tawarruq*?

- A. Melibatkan satu kontrak jual beli sahaja.
- B. Boleh digunakan dalam produk pembiayaan peribadi.
- C. Juga dikenali sebagai komoditi *Murabahah*.
- D. Transaksi yang melibatkan tiga pihak.

14. (1 point)

Manakah antara berikut **BENAR** tentang perbankan korporat yang dipraktikkan di Malaysia?

- A. Perbankan yang memberikan pinjaman hanya kepada individu sahaja.
- B. Perbankan yang fokus kepada syarikat-syarikat bersaiz sederhana sahaja.
- C. Perbankan yang tertumpu kepada keperluan peribadi individu.
- D. Perbankan yang disediakan untuk perusahaan atau syarikat dengan struktur kewangan yang kuat.

15. **(1 point)**
Manakah antara berikut yang membezakan kontrak *al-Salam* dengan jual beli biasa.
- A. *Bay' Salam* memerlukan spesifikasi barang dan bayaran tunai dahulu.
 - B. *Bay' Salam* membenarkan pembayaran secara ansuran.
 - C. *Bay' Salam* tidak memerlukan penyerahan barang pada masa yang ditetapkan.
 - D. *Bay' Salam* mestilah melibatkan barangan yang masih belum wujud sahaja.
16. **(1 point)**
Bagaimanakah pembahagian keuntungan dalam kontrak *Musarakah*?
- A. Keuntungan dibahagikan mengikut nisbah modal.
 - B. Keuntungan perlu diagihkan sama rata.
 - C. Keuntungan diagihkan mengikut persetujuan semua pihak terlibat.
 - D. Keuntungan hanya diperolehi oleh pihak yang paling banyak mengeluarkan modal.
17. **(1 point)**
Manakah antara berikut situasi yang **BENAR** tentang tanggungan kerugian dalam kontrak *Mudharabah*?
- A. Siti dan Amina menanggung kerugian secara rama rata.
 - B. Aida sebagai pemodal akan menanggung kerugian.
 - C. Nurul dan Safia menanggung kerugian mengikut nisbah modal.
 - D. Ina yang mengusahakan perniagaan akan menanggung kerugian.
18. **(1 point)**
Manakah antara berikut merupakan rukun *ar-Rahnu*?
- A. Ijab dan kabul.
 - B. Manfaat.
 - C. Bayaran sewa.
 - D. Pertukaran pemilikan.
19. **(1 point)**
Berikut merupakan enam syarat sah kontrak *al-Salam* **KECUALI** _____.
- A. hendaklah diketahui jenisnya
 - B. hendaklah diketahui sifatnya
 - C. mengetahui kadar nilai harganya
 - D. tempoh penyerahan yang samar

20. **(1 point)**

Berikut merupakan syarat bagi rukun pihak yang mengikat kontrak dalam kontrak *Al-Ijarah* **KECUALI** _____.

- A. orang yang layak mengikut syarak
- B. orang yang berakal
- C. orang yang dipaksa
- D. orang yang mempunyai kuasa atas hartanya

BAHAGIAN C: SOALAN STRUKTUR

Jawab SEMUA soalan.

1. **(4 points)**

Puan Salina ingin melabur sejumlah kecil wang dalam keadaan berisiko rendah. Sebagai seorang yang pakar dalam bidang pelaburan, terangkan jenis pasaran yang sesuai untuk pelaburan Puan Salina.

2. **(6 points)**

Adli dan Izzati berkongsi modal RM150,000 dan bersetuju untuk membahagikan modal dengan nisbah 55:45 dalam perniagaan kek mereka. Harga kos bagi sebiji kek ialah RM20 dan dijual dengan harga RM50 untuk sebiji kek. Pada tahun 2023, sebanyak 3000 biji kek telah berjaya dijual.

Berdasarkan kepada situasi di atas:

a. Kenalpastikan kontrak perkongsian yang digunakan oleh Adli dan Izzati.

(1 point)

b. Kirakan keuntungan yang diperoleh oleh Adli dan Izzati.

(5 points)

KERTAS SOALAN TAMAT